

1978

KELANG, 14 MEI (BERNAMA)—TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, MENYATAKAN SETIAP RAKYAT MALAYSIA MEMPUNYAI PERANAN DALAM USAHA MENINGKATKAN TARAF EKONOMI MEREKA DAN NEGARA.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN KURSUS SIVIK SEHARI ANJURAN PEJABAT PENERANGAN DAERAH KELANG DI DEWAN HAMZAH DI SINI HARI INI.

KURSUS TERSEBUT DIHADIRI OLEH 1,200 ORANG PEMIMPIN DAN AHLI-AHLI UMNO BAHAGIAN SHAH ALAM DAN PELABUHAN KELANG.

TURUT HADIR DALAM MAJLIS PERASMIAN ITU IALAH MENTERI PERHUBUNGAN, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM DAN TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN DATUK LEW SIP HON.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SETIAP PERINGKAT RAKYAT DI NEGERI INI BOLEH MENINGKATKAN EKONOMI DAN TARAF HIDUP MASING-MASING TETAPI TENTULAH DENGAN CARA YANG BERBEZA-BEZA.

SATU KETIKA SEORANG PENGEMIS MUNGKIN TIDAK MEMINTA SEDEKAH UNTUK MENYARA KEHIDUPANNYA PADA WAKTU-WAKTU TERTENTU TETAPI MEREKA MUNGKIN BERUSAHA DENGAN SATU CARA YANG LAIN, TEGASNYA. --BERSAMBUNG 1538/MD

MAHATHIR 2 KELANG

SIKAP YANG PALING PENTING DALAM MEMPERTINGKIKAN TARAF EKONOMI, MENURUTNYA, IALAH SANGGUP BERTINDAK DAN JUJUR DALAM MELAKSANAKAN TINDAKAN ITU WALAUPUN DALAM KEADAAN YANG PAYAH DAN MENEMPUH BANYAK RINTANGAN.

MISALNYA, KATA BELIAU, DALAM MASALAH Mencari Gali Bijih Timah, PEKERJA-PEKERJA TERPAKSA MENGOREK DAN MEMPROSES BAHAN TERSEBUT SEBELUM BEROLEH KEUNTUNGAN DARI PEMASARANNYA.

DENGAN KATA LAIN, TAMBAHNYA, KEKAYAAN TIDAK AKAN DATANG DENGAN SENDIRINYA TANPA DIUSAHAKAN.

BELIAU KEMUDIAN MENGINGATKAN RAKYAT SUPAYA JANGAN IRIHATI TERHADAP ORANG LAIN YANG TELAH BERJAYA MENCAPAI TARAF EKONOMI YANG BAIK KERANA MASIH ADA LAGI TEMPAT DAN WAKTU UNTUK Mencari Kekayaan SEUMPAMA ITU DI NEGERI INI.

KATANYA, +KALAU KITA MEMANDANG KESUBURAN DAN KEHIJAUAN NEGERI INI CUMA SEBAGAI SATU KEINDAHAN TANPA MENJALANKAN SEBARANG USAHA MAKA TAK USAHLAH MENGHARAPKAN KEADAAN HIDUP DAN TARAF EKONOMI KITA AKAN MENINGKAT.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN BAHAWA DALAM MASALAH KEMISKINAN BUMIPUTERA, ADA PEMIMPIN-PEMIMPIN POLITIK TERMASUK PEMIMPIN UMNO SENDIRI MEMBUAT UCAPAN YANG LANTANG DALAM PERJUMPAAN DAN KURSUS SEHINGGAKAN MAJLIS BERKENAAN BERTUKAR MENJADI MAJLIS FORAM ATAU MAJLIS DESAKAN. -- BERSAMBUNG 1545/LK

EE

B564:

MAHATHIR 3 KELANG

PEMIMPIN-PEMIMPIN SAPERTI INI MUNGKIN BOLEH MENANG DALAM SEBARANG PENCALUNAN DAN PILIHANRAYA TETAPI MEREKA SENDIRI MUNGKIN TIDAK TAHU MEMBUAT KERJA APABILA SUDAH BERJAYA.

MENGENAI KURSUS HARI INI, TIMBALAN PERDANA MENTERI MENASIHATKAN PARA PESERTA SUPAYA MENGIKUTINYA DENGAN HATI TERBUKA DAN IKHLAS.

KURSUS INI TIDAK AKAN BERMAKNA SEKIRANYA PARA PESERTA MENGIKUTINYA DENGAN HATI TERTUTUP.

+JIKALAU PENYERTAAN DALAM KURSUS SAPERTI INI UNTUK MENGUTUK MASYARAKAT LAIN APALAH MAKNANYA SEDANGKAN KITA RAKYAT MALAYSIA SEKARANG ADALAH BERTARAF SAMA, DUDUK SAMA RENDAH BERDIRI SAMA TINGGI.+ TEGASNYA. -- BERNAMA 1600/LK

MAHATHIR 4 KELANG (SAMBUNGAN TERITA B564)

MENTERI BESAR SELANGOR DATUK HORMAT RAFIE MENYATAKAN BAHAWA TIADA CACAT DAN CELANYA TENTANG DEMOKRASI YANG TELAH DAN SEDANG DI AMALKAN DALAM PUCUK PIMPINAN UMNO.

BERUCAP SEMASA MENUTUP KURSUS ITU PETANG INI, BELIAU BERKATA KEPIMPINAN DAN DEMOKRASI DALAM UMNO TETAP SEPERTI MULA-MULA PARTI ITU DITUBUHKAN 32 TAHUN DAHULU.

TETAPI, TAMBAHNYA, AKHIR-AKHIR INI ADA ANGGUTA YANG MAHU MENGUJI DEMOKRASI DAN KEPIMPINAN ITU YANG MANA SEBELUM INI KEPIMPINAN PARTI TIDAK PERNAH DIGUGAT.

MENURUT DATUK HORMAT, DARI AMALAN DEMOKRASI CITA-CITA AHLI TERSEBUT TIDAKLAH SALAH, KERANA SESIAPA JUGA BOLEH BERTANDING UNTUK MEREBUT SEBARANG JAWATAN DALAM UMNO.

BAGAIMANAPUN, SEKIRANYA ORANG YANG MAHU MENGUJI DEMOKRASI ITU DITAKDIRKAN BERJAYA MEREBUT JAWATAN PRESIDEN DALAM PERHIMPUNAN AGUNG UMNO NANTI, NEGARA AKAN MENJADI SEBUAH KAPAL DUA NAKHODA KERANA PRESIDEN PARTI YANG MEMERINTAH ADALAH ORANG POLITIK MANAKALA PERDANA MENTERI TIDAK MEMPUNYAI SEBARANG KUASA DALAM PARTI YANG SAMA.

APABILA KEADAAN SEPERTI INI BERLAKU, TIDAK MUSTAHIL NEGARA INI AKAN HANCUR, KATANYA.

TIGA ORANG PEIMPIN POLITIK IAITU MENTERI LUAR TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN, TIMBALAN MENTERI PENERANGAN DATUK HAJI OTHMAN ABDULLAH DAN SETIAUSAHA-AGUNG BARISAN NASIONAL ENCIK GHAFFAR BABA TELAH MEMBERI CERAMAH DI KURSUS TERSEBUT. -- BERNAMA 1953/LK